



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**04 Disember 2022  
09 Jamadilawal 1444H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	•
<b>Berita Harian</b>	• Monsun Timur Laut jejas bekalan ikan, sayur
<b>Harian Metro</b>	• Satu dekad bersama tilapia • Tetap menjadi pilihan! • Mahal 30 peratus
<b>Kosmo !</b>	•
<b>Sinar Harian</b>	•
<b>The Star</b>	•
<b>The Straits Time</b>	•
<b>Nanyang Siang Pau</b>	•
<b>Malaysia Gazette</b>	•
<b>Harakah</b>	•
<b>Malaysiakini</b>	•
<b>Bernama</b>	•
<b>Borneo Post (KK)</b>	•
<b>Guan Ming Daily</b>	•
<b>Sabah Media</b>	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	36	4.12.2022

# SATU DEKAD BERSAMA TILAPIA

Hampir setiap hari Muhammad Hafidz berdepan pelbagai masalah lama dan baharu

AGRO metro 4hb m36

Oleh Muhamad Razis Ismail  
razis@mediaprima.com.my

Tidak dinafikan bidang akuakultur mampu memberi pulangan lumayan kerana mempunyai potensi besar untuk terus berkembang di negara ini. Bagaimanapun, untuk terus kekal berdayasaing bukanlah mudah kerana seseorang itu perlu memiliki pakej lengkap termasuk ilmu, pengalaman luas dan semangat tuang yang tinggi dalam diri.

Perkara ini diakui oleh usahawan akuakultur Muhammad Hafidz Zainal Abidin, yang mula terbabit dalam bidang ternakan pembenihan ikan tilapia sejak lebih satu dekad.

Muhammad Hafidz berkata, sepanjang 12 tahun terbabit dalam bidang itu hampir setiap hari dia berdepan pelbagai masalah lama dan baharu.

Katanya, sebagai penternak dan 'breeders' ikan, dia perlu sentiasa bersedia dan mencari jalan penyelesaian terbaik supaya tidak menjejaskan benih ikan dan ternakannya.

Antara masalah atau cabaran yang sering saya hadapi adalah cuaca, penyakit ikan, manusia



IKAN tilapia mendapat permintaan tinggi di pasaran

dan haiwan pemangsa yang boleh memberi kesan kepada benih ikan serta ternakan.

"Oleh itu, saya perlu sentiasa berada di kolam untuk mencari jalan penyelesaian segera supaya masalah itu tidak berlarut-larut. Pendekatan saya lebih kepada mencegah."

"Sebagai contoh, sekiranya membabitkan haiwan pemangsa seperti burung, biawak dan sebagainya, saya perlu membuat jerat untuk menghalang ternakan

'dicuri,'" katanya. Selain itu, cabaran yang dihadapi penternak adalah kenaikan mendadak harga makanan ternakan sejak kebelakangan ini.

"Untuk terus menghasilkan induk dan benih berkualiti, saya kekal menggunakan palet makanan ikan premium yang dicampur dengan sejenis bakteria untuk mempercepatkan tumbesaran benih ikan."

Menerusi kaedah biasa, benih ikan baharu menetas boleh mencapai saiz empat



SENTIASA memastikan ternakan dalam keadaan baik.



TERNAKAN ikan mampu menjana pendapatan lumayan.

belok pembenihan dan penternakan di lapangan yang tidak ada di dalam buku," katanya.

Katanya, apabila sudah benar-benar bersedia, barulah dia menjalankan aktiviti penternakan sendiri secara serius di Kuala Ketil, Baling, Kedah sejak tiga tahun dahulu.

"Sebenarnya kepakaran saya adalah ternakan udang marin. Namun saya cenderung kepada ternakan benih tilapia kerana modal tidak sebesar udang marin."

"Saya tertarik dengan ikan tilapia kerana ia mendapat permintaan tinggi dalam kalangan penternak. Pada masa sama, ikan air tawar ini diterima di seluruh dunia, sekali gus memiliki peluang besar untuk dieksport ke luar negara."

"Buat masa ini saya tumpu dahulu kepada penghasilan benih ikan tilapia dahulu di lima kolam dengan harapan dapat rumpukan kepada pengeluaran ikan untuk pasaran tempatan dan luar negara pada masa hadapan," katanya.

Beliau menyarankan kepada individu yang berhasrat menceburi bidang akuakultur supaya mulakan secara kecil-kecilan untuk menimba sebarang banyak ilmu dan pengalaman.

"Buat dahulu dan masalah fikiran kemudian. Seseorang itu perlu percaya kepada proses kerana setiap hari anda akan belajar banyak perkara baharu melalui masalah yang timbul."

"Apa yang penting jangan mudah mengalah. Jika tidak jumpa jalan penyelesaian boleh buat carian di Internet atau berguru dengan pemain industri dalam bidang penternakan ikan," katanya.

Ikan air tawar ini diterima di seluruh dunia, sekali gus memiliki peluang besar untuk dieksport ke luar negara

**MUHAMMAD HAFIDZ**



MUHAMMAD Hafidz bersama ikan ternakannya.



MEMILIKI potensi besar untuk berkembang

inci dalam tempoh 70 hari, bagaimanapun dengan palet ikan yang dicampur bakteria tempoh itu boleh disingkatkan kepada 50 hari. Oleh itu, saya dapat menjimatkan kos tanpa mengurangkan kualiti makanan," katanya.

Jelasnya, semua jalan penyelesaian ini diperoleh melalui ilmu dan pengalamannya bekerja dengan swarikat swasta dalam bidang pembenihan dan penternakan ikan selama beberapa tahun.

"Saya bersyukur kerana diberi peluang bekerja dari bawah untuk mengetahui secara mendalam selok



UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		17	4-12-2012

# Monsun Timur Laut jejas bekalan ikan, sayur

**Harga bahan mentah turut meningkat antara 20 hingga 30 peratus**

Oleh Mohamed Farid Noh dan Siti Aminah Mohd Yusof  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kekerapan hujan berpanjangan sejak kebelakangan ini susulan bermulanya Monsun Timur Laut, turut memberi kesan kepada bekalan makanan seperti sayur dan ikan di Semenanjung.

Di **Johor Bahru**, bekalan sayur di beberapa negeri Semenanjung dikatakan terjejas hampir 35 peratus susulan hujan sejak awal bulan lalu.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur-Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata musim hujan menyebabkan pengeluaran hasil sayur berdaun terjejas.

Katanya, pengurangan bekalan menyebabkan berlaku kenaikan

harga bahan mentah itu antara 10 hingga 30 peratus.

"Bekalan terjejas berikutan ladang sayur di Johor, Pahang dan Perak dilanda hujan lebat sejak bulan lalu.

"Kita jangkakan bekalan terus terjejas jika banjir melanda hujung bulan ini hingga Januari depan.

"Ketika ini, beberapa jenis sayur mulai naik harga seperti kacang panjang kepada RM7 sekilogram (kg), berbanding RM6 minggu lalu dan sekitar RM4.50 kg sebelum musim hujan.

"Sayur berdaun seperti sawi dan bayam juga naik harga sekitar RMI tetapi yang paling mendadak ialah daun ketumbar yang naik RM12 kepada RM24 sekilogram.

"Turut melonjak ialah harga daun sup dan daun bawang yang naik kepada RM17 dan RM14 setiap kg berbanding hanya RM10 sebelum ini, manakala cili api kampung kini mencecah RM26 sekilogram," katanya ketika dihubungi.

Peniaga di peniaga pasar basah di Tampoi, Suwanto Baharuddin, 48, mengakui bekalan sayur-sayuran, terutama jenis berdaun semakin berkurangan sejak dua



Mohamad Ibrahim ditemui ketika tinjauan di Pasar Chowrasta, Georgetown, semalam.

(Foto Mikail Ong/BH)

minggu lalu.

"Di sini, daun ketumbar paling mahal harganya dan dijual dijual peruncit RM35 setiap kg berbanding RM15 sebelum ini.

"Cili api kampung kini RM30 setiap kg berbanding sekitar RM25 sebelum ini," katanya.

### Harga ikan naik

Di **Georgetown**, harga beberapa jenis ikan di pasar negeri ini dikesan naik antara 20 hingga 30 peratus berikutan faktor cuaca tidak menentu.

Tinjauan di Pasar Chowrasta dan Pasar Taman Tun Sardon di sini mendapati, ikan kembung dan sardin mencecah RM10 hingga RM12 setiap kg, manakala bawal hitam dijual pada harga RM28 hingga RM32 setiap kg.

Seorang peniaga, Mohamad Ibrahim Abdul Hamid, 58, berkata ada jenis ikan yang berkurangan harganya seperti cencaru yang dijual RM8 setiap kg semalam, berbanding RM9 minggu lalu.

"Harga makanan laut seperti sotong mencecah RM28 sekilogram dan ketam RM36 sekilogram.

"Bekalan masih mencukupi cuma pelanggan berkurangan de-



Tinjauan BH di Terengganu juga mendapati bekalan ikan berkurangan menyebabkan harga meningkat.

(Foto Baharom Bakar/BH)

ngan kebanyakan hasil laut di gerai saya dihantar kepada pengusaha kedai makan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang peniaga ikan import dari Thailand yang ingin dikenali sebagai Lam, 49, berkata harga ikan import sejuk beku turut mengalami peningkatan.

Katanya, ikan kekacang naik

daripada RM17 kepada RM19 setiap kilogram, manakala bawal kini naik RM3 kepada RM25 sekilogram.

"Kembung sejuk beku import juga naik daripada RM10 kepada RM13 sekilogram, manakala ikan cermin naik RM1 hingga RM2 kepada RM16 sekilogram," katanya.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		18	4.12.2022

## Tetap menjadi pilihan!

**Kuala Terengganu:** Bekalan ikan berkurangan menyebabkan harga meningkat antara 10 peratus dan 30 peratus di negeri ini.

Tinjauan dilakukan mendapati harga ikan selang meningkat antara RM12 dan RM15 sekilogram berbanding hanya RM8 dan RM10 sekilogram.

Harga ikan kembung juga turut meningkat kepada RM28 sekilogram berbanding antara RM20 dan RM22 sekilogram.

Walaupun harga meningkat, tetapi ikan dan makanan laut lain tetap menjadi pilihan pengguna.

Tinjauan di tapak pasar tani mendapati sotong dijual pada harga RM45 sekilogram, ikan tenggiri RM42 sekilogram, ikan merah RM45 sekilogram, kerisi RM16 sekilogram, udang harimau antara RM34 dan RM50 sekilogram, manakala ikan cencaru RM15 kilogram dan ikan bawal RM34 sekilogram.

Seorang peserta Pasar Tani Padang Hiliran, Khairul Azmi, 25, berkata kenaikan

harga ikan dan makanan laut berlaku disebabkan nelayan tempatan tidak turun ke laut disebabkan monsun timur laut.

Katanya, bekalan ikan tempatan juga berkurangan menyebabkan berlakunya kenaikan harga sejak Ahad lalu.

"Kami hanya memperoleh bekalan ikan dan pelbagai hasil laut daripada pembekal daripada luar Terengganu," katanya.

Sementara itu, seorang suri rumah, Halimah Abd Halim, 43, dari Kampung Manir di sini, mengakui bekalan ikan dan hasil laut berkurangan.

Katanya, walaupun ikan dan hasil laut dijual di pasar kurang berkualiti, tetapi tetap menjadi pilihan keluar-ga.

"Ikan dan hasil laut yang dijual di pasar sejak Ahad lalu tidak seperti dihasilkan nelayan tempatan yang masih segar.

"Walaupun berlaku peningkatan harga, tetapi ikan dan hasil laut tetap menjadi pilihan ahli keluarganya," katanya.



PENGUNJUNG membeli ikan di Pasar Tani Padang Hiliran, Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/BAHAROM BAKAR



UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	18	4/12/2022



MOHAMAD Ibrahim memunjukkan bekalan ikan yang dijualnya di Pasar Chowrasta Georgetown. - Gambar NSTP/MIKAIL ONG

# MAHAL 30 PERATUS

*faktor cuaca tidak menentu dorong peningkatan harga ikan*

Oleh Siti Aminah Mohd Yusoff  
am@hmetro.com.my

## Georgetown

**H**arga beberapa jenis ikan di pasar negeri ini dikesan mengalami kenaikan antara 20 hingga 30 peratus berikutan faktor cuaca tidak menentu kebelakangan ini.

Tinjauan di Pasar Chowrasta dan Pasar Taman Tun Sardon di sini mendapati harga ikan kembung dan sardin mencecah RM10 hingga RM12 kilogram manakala bawal hitam dijual pada harga RM28 hingga RM32 sekilogram.

Peniaga, Mohamad Ibrahim Abdul Hamid, 58, berkata, ada harga ikan yang menunjukkan sedikit penurunan misalnya cencaru dijual RM8 semalam berbanding

RM9 sekilogram minggu lalu, ia bergantung kepada cuaca dan jumlah penawaran ikan.

"Setakat ini harga makanan laut seperti sotong mencecah RM28 sekilogram dan ketam RM36 sekilogram kalau diikutkan harga ini berpatutan kerana ia hasil laut segar yang antaranya diperoleh dari Batu Maung dan Gertak Sanggul dekat sini.

"Bekalan masih mencukupi cuma pelanggan yang membeli di pasar agak berkurangan dengan kebanyakan hasil laut di gerai saya dihantar kepada pengusaha kedai makan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Peniaga ikan import dari Thailand yang ingin dikenali sebagai Lam, 43, berkata, harga ikan import sejuk beku turut mengalami

peningkatan misalnya ikan kacang naik daripada RM17 kepada RM19 dan bawal naik sebanyak RM3 kepada RM25 sekilogram.

"Harga ikan kembung sejuk beku import juga naik daripada RM10 hingga RM11 kepada RM13 sekilogram manakala ikan cermin naik sebanyak RM1 hingga RM2 kepada RM16 sekilogram," katanya.

Peniaga laksa, Abdul Rahman, 59, berkata, dia membeli 10 kilogram ikan sardin atau kembung setiap hari pada harga RM12 hingga RM13 sekilogram setakat semalam serta kelmarin dan mendapati harga ikan itu mengalami turun naik antara RM1 atau RM2 beberapa minggu kebelakangan ini.

"Selain itu harga barang mentah yang sering saya gunakan seperti timun turut naik kepada RM4 se-

kilogram minggu ini berbanding RM2 minggu lalu jadi harganya kira-kira RM1.80 hingga 1.90 sebiji.

"Harga serbuk cili giling 125 gram sepaket turut naik 50 sen kepada RM3.80 sejak beberapa hari lalu dan saya guna tiga paket setiap hari selain harga salad mencecah RM5 sekilogram hari ini (semalam)," katanya.

Bagaimanapun, harga jualan ayam secara borong oleh pembekal kepada peniaga dinaikkan sebanyak 90 sen setakat Oktober lalu kembali diturunkan kepada 50 sen setakat semalam.

Peniaga ayam, Khairuddin Abdul Kader, 40, berkata, berikutan penurunan itu dia mendapat bekalan ayam standard pada harga RM8.70 seekor dan dijual pada harga RM9.40 mengikut harga siling yang ditetapkan kerajaan.